

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Kajian yang menyentuh tentang pembentukan diri, seperti Paul dan Fisher (1980), mendapati bahawa individu yang tinggi konsep kendirinya mempunyai skor tinggi dalam penerimaan sendiri, kemesraan sosial dan lokus kawalan daripada individu yang rendah konsep kendirinya. Menurut kajian Tashakkori et al. (1990), konsep sendiri seseorang semakin stabil dan selari dengan perubahan masa. Boiley (1979), mendapati konsep sendiri penting kerana ia mempengaruhi motivasi, sikap dan corak hidup dan kesetabilan serta kesejahteraan hidup individu.

Kajian dari Mussen dan Jones (Garrison dan Garison, 1975) membuktikan bahawa lelaki yang lebih awal matang mendapat lebih keyakinan pada diri sendiri daripada lelaki yang lewat matang dan boleh berperanan seperti orang dewasa dalam hubungan interpersonal. Chiam Heng Keng (1975), mengkaji konsep sendiri berkaitan dengan jantina seperti yang telah dikaji Berger dan mendapati bahawa lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan di dalam mengenai penilaian sendiri.

2.2 Status Sosio-ekonomi

Parry (1982) mendapati bahawa konsep sendiri mempunyai hubungan secara langsung dengan status sosio-ekonomi. Beliau membuat kajian dari 'Perspective Ethnomethodological' ke atas pendidikan peribumi, mendapati kelemahan konsep sendiri masyarakat kulit hitam dan keturunan Indian Merah terletak kepada cara mereka menilai identiti kumpulan mereka sendiri yang mempunyai tahap status sosio-ekonomi rendah. Beliau telah mengusulkan jika hendak meningkatkan konsep sendiri kedua-dua kumpulan tersebut, mereka haruslah mengubahsuai struktur ekonomi untuk meningkatkan status sosio-ekonomi diri mereka.

Kajian Rozenberds (dalam Chiam Heng Keng, 1975) mendapati sosio-ekonomi yang tinggi di kalangan kanak-kanak lelaki menghasilkan kecenderungan penghargaan sendiri yang tinggi. Pendapat ini disokong Bledsoe dan Dexon (1983) yang membandingkan konsep sendiri orang-orang kulit hitam terutama dari aspek status sosio-ekonomi tinggi dan rendah. Subjek kajian sebanyak 400 orang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan berusia 8 hingga 12 tahun. Kumpulan ini dibahagikan kepada dua, iaitu 200 pelajar yang mempunyai status sosio-ekonomi yang rendah dan 200 lagi pelajar mempunyai status sosio-ekonomi yang tinggi. Mereka telah menggunakan alat kajian TSCS. Hasil kajian mendapati bahawa status sosio-ekonomi mempunyai hubungan yang signifikan dengan konsep sendiri.

Chiam Heng Keng (1975) telah mengkaji keberkesanan jantina, sosio-ekonomi dan martabat sekolah dikaitkan dengan penghargaan sendiri. Subjek kajian ialah pelajar-pelajar tingkatan empat yang terdiri daripada sekolah-sekolah di kawasan Kuala Lumpur seramai 256 pelajar perempuan dan 249 pelajar lelaki. Beliau membuat kajian ini dengan menggunakan 'Tennessee Self-Concept Scale' dan data yang dikumpul dianalisa dengan menggunakan ANOVA. Keputusan kajiannya ialah pelajar lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan terhadap konsep sendiri, sosial dan peribadi diri.

Fu (1979) telah menjalankan kajian terhadap para remaja dari kumpulan etnik dan status ekonomi yang berbeza. Hasil kajian beliau ialah tiada perbezaan signifikan di antara penghargaan sendiri remaja dari keluarga berpendapatan tinggi dengan remaja dari golongan berpendapatan rendah. Cooper, Holmen dan Braithwaite (1983), pula berpendapat bahawa tiada kaitan di antara taraf ekonomi dengan penghargaan sendiri di kalangan remaja. Pendapat beliau telah disokong oleh Amato dan Ochitree (1986), melalui hasil kajian mereka yang mendapati bahawa sosio-ekonomi keluarga tidak mempunyai perkaitan langsung dengan penghargaan sendiri remaja.

2.3 Perpecahan Keluarga

Kajian tentang perpecahan ahli keluarga yang disebabkan kematian ibu atau bapa atau kedua-duanya sekali telah dilakukan Hurlock (1974). Hasil kajian beliau menjelaskan bahawa penghargaan sendiri mereka yang kehilangan ahli keluarga adalah rendah.

Pardeck dan Izikoff (1982) membuat kajian tentang konsep sendiri remaja yang terdiri daripada ahli keluarga bermasalah. Subjek kajian mereka terdiri daripada pelajar gred 6, 7 dan 8 yang bermasalah dan tidak bermasalah. Kedua-dua kumpulan ini, dikaji konsep kendirinya dengan menggunakan Piers-Harris Self-Concept Scale. Data-data yang dikumpulkan diproses dengan menggunakan pendekatan regresi pelbagai. Hasil kajian mendapati pelajar daripada keluarga yang tidak bermasalah mempunyai konsep sendiri yang positif, berbanding dengan pelajar yang ahli keluarganya bermasalah.

Kajian Bailey (1977) dilakukan secara klinikal mendapati perceraian membawa akibat negatif terhadap penghargaan sendiri anak-anak. Pardeck dan Izikoff (1982) mendapati, perceraian memang berperanan penting dalam pembentukan penghargaan sendiri seseorang individu.

Rosenthal (1980) memberi pendapat bahawa pengaruh struktur sosial menyumbang kepada konsep sendiri dalam hubungan keluarga dan persekitaran sekolah. Dalam hubungan keluarga didapati latar belakang keluarga, bilangan anak, usia anak, dan perceraian berhubung rapat dengan konsep sendiri individu. Dorongan ibu bapa terhadap kanak-kanak pula dipandang sebagai pembolehubah pencelah dalam mempengaruhi konsep sendiri individu. Gegas dan Schwalble, (1982) dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan positif antara dorongan ibu bapa dengan konsep sendiri kanak-kanak.

2.4 Komunikasi Ibu Bapa dengan Anak

Bienvenu dan McClain (1970) telah membuat kajian ke atas remaja mengenai penghargaan sendiri dan komunikasi ibu bapa mereka. Hasil dari kajian mendapati komunikasi remaja dengan ibu bapa mempunyai perhubungan positif yang signifikan terhadap penghargaan sendiri.

Offer, Ostrov dan Howard (1982) mengkaji komunikasi ibu bapa dengan anak-anak dan dikaitkan dengan konsep sendiri kanak-kanak. Beliau mendapati bahawa imej sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak.

Mettson (1974) telah menjalankan kajian mengenai penghargaan sendiri berkaitan dengan komunikasi keluarga. Beliau turut mengaitkan komunikasi ibu bapa, persepsi ibu bapa terhadap komunikasi dengan anak dan kepuasan ibu bapa dengan perkahwinan. Beliau mengkaji subjek seramai 144 orang yang berusia dalam lingkungan 14 hingga 15 tahun. Dari hasil kajian ini, beliau berpendapat bahawa remaja yang rendah konsep kendirinya adalah kerana hubungan komunikasi yang tidak berfungsi jika dibandingkan dengan remaja yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi.

Dewo, Swall dan Savin - William (1987) pula telah sepakat mengatakan bahawa ibu bapa dan adik beradik merupakan di antara individu yang penting dalam kehidupan seseorang. Hasil kajian ini telah menunjukkan terdapatnya hubungan yang kuat di antara komunikasi ibu bapa - anak-anak dengan penghargaan sendiri.

Nurmi dan Pullianem (1991) telah membuat kajian untuk melihat sikap kanak-kanak terhadap masa depan mereka berdasarkan deteminan psikososial. Subjek kajian mereka terdiri daripada 57 orang remaja yang berumur di antara 10 hingga 11 tahun dan 56 remaja berumur dalam lingkungan 14 hingga 15 tahun. Semua subjek berasal dari kawasan bandar di Finland. Keputusan dari hasil kajiannya telah menunjukkan semakin tinggi mereka mengadakan perbincangan dan pergaulan dalam komunikasi di antara ibu bapa - remaja, semakin positif sikap dan jangkaan remaja terhadap masa depannya. Ini jelas menunjukkan

interaksi keluarga yang aktif akan mewujudkan satu model positif kehidupan keluarga dan seterusnya akan meningkatkan sikap optimis remaja. Kajian ini telah membuktikan bahawa interaksi ibu bapa - remaja yang aktif akan meningkatkan penghargaan sendiri remaja.